

Ibu alami komplikasi dakwa diberi salah darah

Pegawai bank terlantar di hospital sejak 10 hari lalu

Oleh Wan Faizal Ismayatin
wfaizal@horizon.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang pegawai bank yang baru melahirkan anak ketiga, terlantar di hospital sejak 10 hari lalu didakwa akibat komplikasi berikutan kecuaihan petugas Hospital Kajang memasukkan darah jenis lain ke tubuhnya pada 22 September lalu.

Petugas hospital didakwa memasukkan darah jenis B ke tubuhnya sedangkan dia punya jenis O seperti wanita berusia 34 tahun itu semalam melahirkan anak lelaki secara pembedahan.

Kesilapan itu hanya disedari selepas dua pain da-

rah dimasukkan ke tubuh mangsa menyebabkannya terpaksa dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) sebelum dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan susulan.

Suami mangsa, berkata kejadian itu sepatutnya tidak berlaku kerana kecuaihan memasukkan darah jenis berlainan ke tubuh seseorang boleh menyebabkan pelbagai komplikasi termasuk membawa maut.

Katanya, kejadian itu menyebabkan kesan emosi yang teruk terhadap mereka sekeluarga, malah anak ketiganya itu tidak dapat diberikan susu ibu selain beliau sendiri terpaksa mengambil cuti sejak 10 hari lalu untuk men-

jaga isterinya di hospital. "Malah, saya terpaksa membawa ibu saya berusia 74 tahun dari kampung di Jitra, Kedah untuk menjaga bayi

Kejadian itu sepatutnya tidak berlaku kerana kecuaihan memasukkan darah jenis berlainan ke tubuh seseorang boleh menyebabkan pelbagai komplikasi termasuk membawa maut

Suami mangsa

saya. Selain itu, saya difahamkan isteri paling awal dibenarkan pulang dalam tempoh dua minggu lagi," katanya yang mengunjungi Balai Berita, semalam.

Susulan kejadian itu, suami mangsa membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang pada 23 September lalu.

Katanya, pada hari sama selepas kejadian itu, beliau dipanggil pengurusan Hospital Kajang yang mengakui berlaku kecuaihan hingga menyebabkan isterinya terpaksa diberikan rawatan susulan.

"Saya juga sudah memanjatkan perkara ini kepada Kementerian Kesihatan dan pengurusan hospital pula



MANGSA yang memiliki darah jenis O mendakwa diberi darah jenis B oleh kakitangan hospital.

memaklumkan sebuah jawatankuasa siasatan bebas sudah ditubuhkan bagi menyalut kejadian itu, namun sehingga kini saya tidak di-

hubungl," katanya. Beliau juga tidak menolak kemungkinan akan mengambill tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit.

Kuali tidak melekat mudaratkan kesihatan?

Oleh NOOR HASLIZA NUSI
hasliza_nusi@kosmo.com.my

GEORGE TOWN - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendakwa penggunaan periuk tidak melekat (*non stick pan*) boleh menyebabkan risiko penyakit berangkal seperti jantung, kanser, diabetes dan buah pinggang.

Menurut Pegawai Penyelidik CAP, Hatijah Hashim (*gambar*), penggunaan periuk itu yang diperbuat daripada teflon iaitu sejenis bahan berkilin dan licin yang mampu mencegah air, kotoran dan lemak pada kuali berisiko kepada pengguna.

Katanya, teflon yang dikenali secara kimia sebagai polytetrafluoroethylene (PTFE) adalah sejenis bahan seperti plastik yang dibuat daripada campuran kompleks bahan kimia berfluorinat.

"Ciri licin inilah yang menyebabkan makanan tidak melekat pada kuali. Kimia teflon begitu kompleks hingga menyebabkan saintis kurang memahaminya dan ia cuma diketahui sebagai kimia toksik yang membocor daripada kuali panas," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.



Beliau berkata, selain periuk, teflon juga terkandung dalam pelbagai produk seperti pakaian kalis-kotoran, produk kertas, pembungkus makanan segera, cermin mata, penambat wayar elektrik serta kabel telefon.

Katanya, selain mengandungi bahan-bahan kimia tidak terurai, teflon juga mudah terkumpul dalam tubuh manusia, binatang dan alam sekitar.

"Ujian makmal ke atas tilais yang didedahkan bahan ini selepas 10 minit akan mengalami kerosakan paru-paru yang teruk," katanya.

Tambah beliau, kajian juga mendapati lebih kerap kuali digunakan pada suhu tinggi, lebih cepat lapisan itu terurai dan membebaskan zarah dan gas ke udara selain lapisan teflon yang boleh terkakis akibat proses membasuh kuali.

Katanya, sebagai ganti teflon atau peralatan memasak tidak melekat lain, pengguna disarankan menggunakan kuali keluli tahan karat, kaca atau periuk tanah kerana tidak mengeluarkan gas pencemar.

ANTARA kuali tidak melekat yang terdapat di pasaran. - Gambar hiasan



KAJI semula pemberian 'Methadone' percuma kepada penagih sejak 2005. Begitu juga jarum suntikan untuk mencegah HIV. Salurkan wang berkenaan untuk kepentingan rakyat bersama. - [UDUNOTDNA:BHA 341071

57 kes kemalangan ambulans setiap tahun

SECARA purata sebanyak 57 kemalangan membabitkan ambulans dicatatkan setiap tahun, sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan ini, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Beliau berkata, jumlah itu termasuk kemalangan kecil yang tidak membabitkan kecederaan penumpang dan pemandu.

"Statistik kemalangan ini adalah hasil daripada operasi 137 hospital dan lebih 800 klinik kesihatan. Setakat ini terdapat 1,402 ambulans di

hospital serta klinik kesihatan di bawah kementerian di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Ismail Abd Muttalib (BN-Marang) pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Ismail meminta penjelasan kementerian berhubung bilangan kakitangan kementerian itu dalam kategori staf sokongan yang terbabit dengan kemalangan ketika menjalankan tugas dan langkah diambil bagi mengurangkan risiko kemalangan.

Dalam perkembangan sama Tiong Lai berkata, kementerian sentiasa mengambil langkah proaktif bagi mengatasi masalah kemalangan ambulans.

Katanya, ia termasuk dari segi aspek dan tahap keselamatan kenderaan dan kemahiran pemandu.

Beliau berkata, sebelum ambulans diserahkan kepada hospital, pemeriksaan dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk memastikan kenderaan itu selamat

digunakan.

"Penyelenggaraan kenderaan juga dilakukan secara berkala mengikut jadual. Pemeriksaan kenderaan dilakukan pemandu sambil dipantau oleh penyelia (penolong pegawai perubatan) yang mana ia diwajibkan kepada setiap ambulans sebelum memulakan perjalanan bagi memastikan tahap keselamatannya," katanya.

Selain itu, katanya, semua pemandu diberikan latihan pemanduan berhema yang mengandungi modul teori dan praktikal.